

07/11/2000

Semua rakyat perlu nikmati teknologi maklumat

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyarankan supaya penggunaan teknologi maklumat (IT) mesti `didemokrasikan' supaya setiap orang dapat berkongsi pengetahuan mengenainya.

Sambil menyatakan sebarang penolakan atau menanggung penggunaan teknologi baru akan mengurangkan daya saing ekonomi negara, Perdana Menteri mahu semua orang di bandar dan luar bandar, sama ada kaya atau miskin untuk menikmati IT.

"Teknologi tidak sepatutnya hanya diberi keutamaan kepada kawasan bandar dan negara kaya saja dalam menangani isu jurang (pengetahuan) digital," katanya ketika merasmikan mesyuarat Majlis Telekomunikasi Komanwel yang ke-40 di sini.

Hadir sama Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie; Pengerusi Telekom Malaysia, Datuk Md Radzi Mansor; Pengerusi Pertubuhan Telekomunikasi Komanwel (CTO), Datuk Dr Abdul Rahim Daud dan Pengarah Eksekutif Majlis Telekomunikasi Komanwel, Dr David Souter.

Dr Mahathir berkata, CTO boleh memainkan peranan berkesan dalam mengecilkan jurang digital dengan menyediakan dana, sumber dan komputer dan latihan Internet kepada negara kurang maju sebelum negara-negara ini ketinggalan jauh dari segi teknologi dan kekayaan.

Beliau berkata, untuk tempoh beberapa tahun ini, Mesyuarat Kerajaan Ketua-ketua Komanwel (CHOGM) dengan lantangnya memberi sokongan kepada forum Rangkaian Komanwel untuk Pembangunan IT (COMNET-IT).

Bagaimanapun, katanya, di sebalik sumbangan atau sokongan daripada peringkat tertinggi ini, agak hampa kerana tidak ada sebarang program atau sumber yang jelas di dalam fungsi kerjasama dan program Sekretariat Komanwel.

"Adalah tidak lagi begitu praktikal untuk mengasingkan komunikasi daripada penyiaran, apa lagi antara telefon, faksimili dan transmisi Internet. Oleh itu juga, lesen-lesen yang berasingan tidak lagi boleh diberikan kepada perkhidmatan yang berasingan. Satu lesen merangkumi semua.

"Jelas sekali, teknologi baru tidak boleh diberi lesen berasingan daripada teknologi lama. Jawapan pasti ialah satu lesen untuk semuanya (perkhidmatan)," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia berhasrat untuk mengguna pakai sepenuhnya teknologi untuk pertumbuhan dan perkembangan negara, termasuk bagi menjayakan Koridor Raya Multimedia (MSC).

(END)